

23/08/1999

Remaja diajak berarak

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Belia dan Sukan mengajak remaja menyertai 'Pesta dan Perarakan Remaja' di Bangsar pada 29 Ogos ini kerana pengalaman menyertainya mungkin sekali dalam seumur hidup.

Setiausaha Parlimennya, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, berkata program itu memberi remaja peluang memahami erti kemerdekaan dan pengorbanan yang dilakukan pemimpin negara pada masa lalu, di samping turut bersama meraikan hari kemerdekaan dengan cara tersendiri.

"Kita berharap acara istimewa ini dapat menarik penyertaan remaja pelbagai kaum," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Perarakan yang akan bermula pada jam 8 pagi itu, bertujuan memupuk semangat patriotik dan cintakan negara.

Sambil menyifatkan acara itu mencerminkan 'Mini-Malaysia', Shahrizat berkata, program berkenaan akan merangkumi pertunjukan pentas yang mempersembahkan lagu dan tarian tradisional Melayu, kumpulan nasyid, tarian Banghra dan opera Cina, anjuran jawatankuasa yang dipengerusikan kakitangan kanan Jabatan Pengarang The New Straits Times Press (M) Bhd.

Katanya, program itu akan turut dimeriahkan dengan pesta jualan dan beberapa acara sukan, yang dianjurkan persatuan penduduk Bangsar, ahli perniagaan setempat dan persatuan penjaja.

Pasukan berpakaian terbaik akan diberi hadiah, begitu juga dengan rumah, ruang perniagaan dan gerai penjaja terbaik.

Semua hadiah, akan disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis makan malam yang diadakan pada hari yang sama.

(END)